



**KESATUAN PEGAWAI EKSEKUTIF [ KEPAK ]  
[ EXECUTIVE OFFICERS UNION ]**

KUARTERS KERAJAAN FASA 3, ARAS BAWAH, JALAN P9G, PRESINT 9  
P.O.BOX 12195, 62520 PUTRAJAYA

[ NO. PENDAFTARAN : 244 (Akta Kesatuan Sekerja 1959) ]

Ruj. Kami : KEPAK/PSU/2017 ( )  
Tarikh : 2 Oktober 2017

**Semua Ahli Executive Officers Union,  
[ Kesatuan Pegawai Eksekutif (KEPAK) ]**

Saudara / Saudari,

**NOTIS: MESYUARAT AGUNG SEMULA KESATUAN PEGAWAI EKSEKUTIF  
(KEPAK) KE-42 : EXECUTIVE OFFICERS UNION, FEDERATION OF MALAYA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut seperti di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Kesatuan Pegawai Eksekutif (KEPAK) telah diadakan pada 30 September 2017 (Sabtu) lalu di Dewan Datuk Mohd Shahir, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi Selangor. Oleh kerana bilangan ahli yang hadir tidak mencukupi kuorum satu perempat daripada jumlah ahli yang berhak maka **Mesyuarat Agung Semula KEPAK Ke-42** mengikut Peraturan 7 dan 8, Peraturan-peraturan Bagi Executive Officers Union, Federation of Malaya akan diadakan seperti ketetapan berikut:

**Tarikh : 13 Oktober 2017 (Jumaat)**  
**Masa : 8.30 Pagi**  
**Tempat : Dewan Serbaguna  
Menara Usahawan  
Aras G, No.18 Persiaran Perdana  
Presint 2  
62652 PUTRAJAYA.**

3. Untuk makluman, mesyuarat kali ini akan diadakan pemilihan jawatan pegawai-pegawai KEPAK sepertimana pencalonan yang diterima bagi menganggotai Majlis Jawatankuasa Kerja bagi Sesi 2017/2019. Pemilihan akan dibuat hanya kepada Ahli yang berdaftar sahaja, yuran tidak putus selama 3 bulan berturut-turut dan masih sah adalah layak untuk mengundi melalui Undi Sulit (Peraturan 25, Perkara 1).

4. Bersama-sama ini disertakan Agenda Mesyuarat Agung seperti di **Lampiran** untuk rujukan. Justru itu, Saudara/saudari adalah dijemput hadir ke Mesyuarat Agung Semula KEPAK Ke-42 ini.

Sekian, terima kasih.

**"UNITED WE STAND"**

Saya yang menjalankan tugas,

**(ABDUL RAHMAN BIN ABDUL RAHIM)**

Penolong Setiausaha  
Executive Officers Union  
Federation of Malaya



**AGENDA MESYUARAT AGUNG SEMULA  
KESATUAN PEGAWAI EKSEKUTIF (KEPAK) KE-42  
(EXECUTIVE OFFICERS UNION, FEDERATION OF MALAYA)  
DI DEWAN SERBAGUNA, MENARA USAHAWAN  
PADA 13 OKTOBER 2017 (JUMAAT)**

---

1. Perutusan Tuan Presiden KEPAK
2. Mesyuarat Agung Dimulakan:
  - i. Melantik dua (2) orang Pencatat Minit
  - ii. Membentang dan menerima Minit Mesyuarat Agung Ke-41
  - iii. Membentang dan menerima Laporan Tahunan Sesi 2015/2017
  - iv. Membentang dan menerima Penyata Kewangan Yang Berakhir Pada 31 Mac 2016 dan 31 Mac 2017
  - v. Pembubaran Majlis Jawatankuasa Kerja KEPAK Sesi 2015/2017
  - vi. Melantik Pengerusi Mesyuarat bagi menjalankan urusan pemilihan Majlis Jawatankuasa Kerja KEPAK 2017/2019
  - vii. Melantik empat (4) orang Pengira Undi
  - viii. Pemilihan dijalankan
  - ix. Melantik dua (2) orang Juruaudit Dalam
  - x. Melantik tiga (3) orang Pemegang Amanah
  - xi. Melantik lima (5) orang Penimbang Tara
3. Ucapan Penangguhan
4. Penutup.